

21 OCT 1998

Mahathir-pilihan raya

PM TOLAK KEMUNGKINAN PILIHAN RAYA AWAL

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak akan tunduk kepada tekanan untuk mengadakan pilihan raya lebih awal seperti yang dikehendaki oleh penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya tidak nampak kenapa saya harus dipaksa untuk mengadakan pilihan raya yang awal kerana itu akan memberi kesan yang menjejaskan program ekonomi kita," katanya pada persidangan berita di Jabatan Perdana Menteri mengenai hasil lawatan beliau ke Jepun.

Perdana Menteri yang pulang pagi tadi selepas lawatan kerja lima hari ke Jepun, ditanya sama ada beliau akan mengadakan pilihan raya sebagai jalan penyelesaian setelah penyokong bekas timbalannya itu terus menganjurkan tunjuk perasaan, malahan mendesak Yang di-Pertuan Agong supaya membubarkan Parlimen untuk membolehkan pilihan raya diadakan.

Dr Mahathir berkata bahawa nampaknya terdapat cubaan berterusan untuk menjatuhkan kerajaan menerusi demonstrasi dan cubaan itu akan terus dibuat.

"Kita sedia menghadapi pilihan raya apabila masanya tiba, siapa saja boleh bertanding, dan jika mereka menang, maka merekalah yang menang, jika kalah, maka merekalah yang kalah, dan jika kita menang, kitalah yang menang, jika kita kalah, kitalah yang kalah," katanya.

Ketika diminta mengulas sokongan untuk beliau yang ditunjukkan oleh 200 orang di luar kedutaan Filipina di sini semalam, Dr Mahathir berkata jika pihak lain boleh menyatakan pendapat mereka, kumpulan ini juga boleh menyatakan pendapat mereka.

Kumpulan itu terdiri anggota yang menamakan diri mereka "Rakyat Malaysia Yang Prihatin" membantah kenyataan Presiden Filipina Joseph Estrada khususnya sokongan beliau kepada Anwar yang dianggap sebagai mencampuri urusan dalam negeri Malaysia.

"Yang saya bimbangkan ialah jika perbuatan demonstrasi ini menjadi amalan, maka negara ini tidak akan maju...negara ini telah membangun hasil kestabilan politik.

"Apa akan terjadi, umpamanya, jika kedua-dua belah pihak yang berdemonstrasi bertembung, maka pergaduhan akan berlaku.

"Apabila ketika hendak mengadakan demonstrasi secara aman dalam sebuah stadium, polis menasihatkan kita supaya jangan berbuat demikian dan enggan memberi kebenaran, kita akur kepada alasan polis," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai nasihat beliau kepada pemimpin-pemimpin Asean seperti Estrada, Perdana Menteri berkata mereka sepatutnya menyerahkan kepada mahkamah untuk membuat keputusan.

Anwar, yang dilucutkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept dan dipecat dari Umno sehari kemudian, menghadapi 10 tuduhan rasuah dan meliwat. Perbicaraan terhadap empat tuduhan rasuah dijadual bermula 2 Nov ini.

Dr Mahathir berkata terdapat cubaan oleh media asing dan beberapa orang asing untuk mengadili mahkamah dan kerajaan berhubung kes Anwar.

"Bagi kita, ini satu campur tangan terhadap proses undang-undang, ketika rakyat Malaysia sendiri tidak dibenarkan bercakap mengenai tuduhan-tuduhan khusus yang dihadapi oleh Datuk Seri Anwar, media asing dan orang asing pula bebas mengadili mahkamah.

"Sebabnya mereka ingin datang ke sini untuk mengikuti perbicaraan itu bukan kerana mereka berminat melihat sama ada Datuk Seri Anwar salah atau tidak, tetapi mereka mahu melihat sama ada mahkamah salah atau tidak dalam

melaksanakan keadilan kepada Datuk Seri Anwar," katanya.

Sebab itulah, kata beliau, kerajaan tidak akan melayan mana-mana kumpulan tertentu yang mahu datang dan diberi layanan istimewa sebagai pemerhati.

"Sudah tentu mereka boleh datang tetapi mereka akan dilayan sama seperti orang yang hendak ke mahkamah.

"Kita tidak akan melarang mereka pergi ke mahkamah tetapi kita tidak pula akan melayan mereka sebagai pemerhati kerana kita dapati bahawa pemerhati mempunyai kesan yang memberi tekanan kepada mahkamah," katanya.

Perdana Menteri berkata jika rakyat Malaysia tidak boleh bercakap mengenai kes yang dibicarakan, pihak lain juga tidak seharusnya mempengaruhi mahkamah sebelum perbicaraan bermula.

"Mungkin ini diamalkan di negara lain tetapi di sini, kita mahu hakim melaksanakan tugasnya bebas daripada pengaruh mana-mana pihak, baik kerajaan atau yang lain," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bekas Gabenor Hong Kong Chris Patten, yang menyifatkan Anwar sebagai "pujaan orang Barat", telah menulis satu artikel mendakwa kononnya Anwar telah dibelasah.

"Kita sudah tahu keadaan kesihatan Datuk Seri Anwar dan beliau tidakpun dipukul. Inilah propaganda yang disebar di seluruh dunia untuk memburuk-burukkan kerajaan Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

AZZ MAI